

Mahathir: Eksploit teknologi angkasa

UM 12 OCT 2001

LANGKAWI 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu membina keupayaan sendiri mengeksploitasi sepenuhnya penggunaan teknologi angkasa, dan bukan hanya menjadi pengguna atau penonton sahaja.

Menurut Perdana Menteri, teknologi angkasa lepas mempunyai kegunaan yang meluas untuk menampung keperluan dalam bidang pendidikan dan pengetahuan.

Maklumat

“Teknologi angkasa amat sesuai untuk mengawasi bumi dan sekitarnya serta bertindak sebagai enjin yang boleh menampung pertumbuhan ekonomi negara,” ujarnya ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun pertama pelancaran Satelit Negara TiungSat-1 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

“Dalam mengorak langkah ke arah tahun 2020, persediaan kita untuk menjadi negara maju harus merangkumi penguasaan teknologi kritikal, antaranya teknologi maklumat, sains bahan dan kejuruteraan biologi.

“Pada masa yang sama, kita harus

dapat menyumbang kepada perkembangan sains dan teknologi angkasa pada masa depan,” ujarnya.

Jelas Dr. Mahathir, perkembangan dalam teknologi angkasa bukan sahaja mempunyai *spin-off* yang boleh memanfaatkan bidang-bidang tersebut, tetapi juga berpotensi untuk menghasilkan produk dan proses baru serta mencetus industri baru.

“Peranan teknologi angkasa dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia sudah jelas, maka kita harus bergerak ke depan dengan azam yang kuat, bersandarkan strategi-strategi yang membolehkan kita tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak lain,” ujarnya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, memandangkan angkasa ialah warisan sejagat, maka ia merupakan landasan yang ideal untuk menjalinan kerjasama antarabangsa.

Persefahaman

Sambil menekankan angkasa mempunyai kegunaan yang dapat memuaskan pelbagai tuntutan dari komuniti global, beliau berkata, semua pihak harus sentiasa mencari peluang usaha sama dengan negara jiran atau negara yang lebih jauh kerana itu akan memaksimumkan sumber dan pada masa yang sama mewujudkan persefahaman.

“Sebenarnya untuk beberapa pro-

jek angkasa yang hebat dan istimewa, kerjasama antarabangsa merupakan satu-satunya mekanisme untuk mencapai kejayaan.

“Dalam hal ini kita harus bertekad untuk menjadi rakan kongsi yang setanding dengan negara-negara lain,” ujar beliau.

Kerjasama

Sementara itu, Hieng Ding berkata, kementeriannya akan memberikan tumpuan khusus kepada usaha-usaha menguasai teknologi satelit dan angkasa selaras dengan hasrat menjadikan negara maju dalam industri tersebut.

Bagi mencapai hasrat itu, katanya, beberapa program kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi di dalam dan luar negara telah dijalankan oleh Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB), di samping kerjasama dalam bidang latihan, penyelidikan dan penggunaan data satelit oleh beberapa buah universiti tempatan.

“Hubungan dengan agensi di luar negara seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan, Rusia, Perancis, China, India, Indonesia, Brazil dan United Kingdom juga telah dimulakan dan ia sedang berjalan dengan lancar, katanya.